

MDKL sokong usaha pelihara ekosistem

Program penanaman flora di kawasan paya bakau bantu cegah hakisan pantai

INFO Super, pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat, Jabatan Hutan Daerah Pantai Klang serta warga MDKL turut terlibat menjayakan program itu

KELANANG - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sentiasa menyokong penuh sebarang program penjagaan dan pemuliharaan ekosistem untuk kepentingan bersama.

Yang Dipertuanya, Mohamad Zain A Hamid berkata, oleh sebab itu pihaknya bersama Jabatan Perikanan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Perhutanan telah menganjurkan Program Penanaman Flora di Kawasan Paya Bakau-Ecosystem Approach to Fisheries Management Siri I, di Pantai Kelanang, baru-baru ini.

Menurutnya, pada program itu sebanyak 200 pokok api-api telah ditanam sebagai usaha pemuliharaan hutan



Mohamad Zain turut serta melaksanakan aktiviti menanam pokok di Pantai Kelanang.

paya bakau di Kuala Langat.

"Usaha ini melibatkan kepentingan semua pihak termasuk juga nelayan di kawasan ini.

"Dengan penanaman pokok api-api kawasan ini boleh dijadikan sebagai kawasan penampungan ombak untuk mencegah hakisan pantai," katanya.

Mohamad Zain berkata,

beliau berharap spesies pokok itu yang ditanam di kawasan itu dapat dilindungi supaya ekosistem di pantai ini terus terpelihara.

"Saya harap masyarakat bersama semua agensi yang terlibat sentiasa kekalkan dan pulihara alam sekitar supaya generasi akan datang dapat menikmati kehidupan yang mampan dan lestari," kata-

nya ketika berucap dalam merasmikan program itu di sini.

Seramai 100 peserta termasuk Sukarelawan Nelayan (Super), pelajar Kolej Komuniti Kuala Langat, pegawai dan kakitangan Jabatan Hutan Daerah Pantai Klang serta warga MDKL terlibat menjayakan program berkenaan.

Keyakinan Umno rampas semula Selangor hanya retorik

BANTING - Kehadiran bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam Konvensyen Umno Selangor Sabtu lalu jelas menunjukkan Langkah Kajang tidak pernah silap.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid berpendapat, malah keputusan memecat Khalid ketika itu dianggap sesuatu yang tidak popular.

Menurutnya, ketika itu ramai yang menentang keputusan tersebut tidak kira daripada kerajaan ataupun pembangkang sendiri, tetapi hari ini segala-galanya sudah terbukti.

"Timbul pelbagai persoalan... mengapa pimpinan Umno Selangor terlalu terdesak untuk guna khidmat Khalid? Adakah pimpinan mereka sekarang sudah tidak lagi relevan dalam mendepani kebangkitan gelombang rakyat Selangor?"

"Kami di Pakatan Harapan tidak sedikit pun merasa terganggu dengan perkembangan ini, malah ia mencerminkan kelemahan yang amat ketara di dalam pentadbiran Umno Selangor di mana ia terbukti mereka kurang keyakinan un-



Adakah... pimpinan Umno sekarang sudah tidak lagi relevan dalam mendepani kebangkitan gelombang rakyat Selangor?"

- Abdullah Sani

tuk merampas kembali negeri ini," katanya.

Beliau menambah, hasil kajian yang dibuat oleh kakitangan pejabatnya menunjukkan bahawa 89.2 peratus rakyat Selangor mahu kerajaan negeri sedia ada dikekalkan kerana mereka mendapat pelbagai perkhidmatan hasil negeri yang cukup baik.

HEBAHKAN AKTIVITI KOMUNITI ANDA

Hospital Banting anjur Selangkah Ke Alam Remaja, galak aktiviti kemasyarakatan

BANTING - Program Selangkah Ke Alam Remaja yang diadakan di Hospital Banting menggalakkan lagi aktiviti kemasyarakatan sekaligus membantu meringankan beban golongan ibu bapa.

Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Ab Rahman berkata, pihaknya memilih hospital itu sebagai usaha memberi pendedahan kepada masyarakat bahawa pusat perubatan dan rawatan itu boleh dijadikan sebagai *one stop centre*.

"Kita mahu aktiviti sebegini mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat dan kakitangan hospital.

"Saya gembira pro-

gram ini dapat sambutan menggalakkan daripada ibu bapa," katanya.

Menurutnya, beliau mengakui kadang kala kemudahan yang disediakan di hospital kerajaan dilihat jauh ke belakang.

"Saya faham ramai pelanggan hospital merungut dengan kemudahan hospital yang dikatakan tidak memenuhi cita rasa mereka... namun saya yakin dengan adanya sokongan daripada pelanggan sendiri pelbagai kemudahan boleh ditambah baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program itu, di sini.

Hadir sama Penyelaras Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat,

Datuk Sulaiman Mohd Karli dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat, Jefrizal Mohd Jaafar.

Sementara itu, seorang bapa, Afandi Abd Talib, 42, berkata, dia tidak sangka anaknya, Mohammad Hakim Afandi, 10, menyatakan hasrat untuk berkhidmat.

"Awal-awal pagi saya dah ke hospital untuk terlibat dalam aktiviti berkhidmat di sini, tak sangkalah dah ramai, mujur dapat nombor yang agak awal jugalah.

"Cuma bila menunggu ni, nampaklah muka anak saya risau, tapi saya yakin dia tak ada masalah. Saya harap program seperti ini diteruskan sampai bila-bila... sebab dapat bantu ringankan perbelanjaan ibu bapa," katanya.



Sebahagian peserta bergambar kenangan sebelum dikhatangkan.